

# Sistem bekal makanan bantuan murid disemak

Oleh HASHNAN ABDULLAH

**PUTRAJAYA** 18 April - Sistem pembekalan bantuan makanan dan minuman di semua sekolah akan dikaji semula secara lebih terperinci berikutan peningkatan kes keracunan makanan melibatkan ramai murid sejak akhir-akhir ini.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, tindakan tersebut perlu supaya bukan hanya bekal makanan dan minuman itu sampai kepada golongan sasaran tetapi juga ia dapat memberi manfaat kepada mereka.

Beliau berkata, ia juga selaras dengan usaha kementerian yang mahu memastikan kejadian seumpama itu tidak akan menjadi lebih serius pada masa depan.

"Kajian tersebut akan melibatkan apa sahaja yang berkaitan dengan bantuan makanan dan minuman yang dibekalkan kepada murid-murid sekolah sehingga kini.

"Walaupun kita tidak akan mengarahkan pembekalan bantuan makanan dan minuman yang sedia itu dihentikan serta-merta tetapi buat masa ini Jabatan Pelajaran Daerah dan sekolah diarahkan supaya lebih berhati-hati ketika mengendalikan soal itu," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementerianya di sini, hari ini.

Dalam tempoh tidak sampai seminggu, seramai 88 murid di tiga buah sekolah rendah luar bandar di utara Semenanjung mengalami muntah-muntah dan cirit-birit dipercayai akibat meminum susu bantuan di sekolah masing-masing.

Sekolah berkenaan ialah Sekolah Ke-

um - 19/4/2007  
**Kajian tersebut akan melibatkan apa sahaja yang berkaitan dengan bantuan makanan dan minuman yang dibekalkan kepada murid-murid sekolah sehingga kini**

**HISHAMMUDDIN  
TUN HUSSEIN**  
Menteri Pelajaran

bangsaan (SK) Peremba, Kuala Kedah, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Kalaimagal, Matang Gedong, Sungai Petani dan Sekolah Kebangsaan Jalan Pagoh, Pasir Puteh, Ipoh.

Sehubungan itu, Hishammuddin memberitahu, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Hon Choon Kim telah diarahkan untuk mengadakan siasatan berhubung perkara itu secepat mungkin.

"Jika hasil siasatan tersebut memerlukan kita merombak sistem pembekalan sedia ada atau menukarkan para pembekalnya, kami akan lakukan dengan segera.

## Selamat

"Ini kerana, apa yang kita mahu adalah satu sistem yang selamat dan mampu membantu kementerian mencapai sasaran yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010," katanya.

Berhubung Penstrukturan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), beliau berkata, semua guru dan anggota khidmat sokongan di JPN tidak perlu bimbang mengenai langkah penstrukturan itu kerana ia bukan satu keputusan yang muktamad.

Katanya, ini kerana setiap pandangan yang diutarakan oleh semua pihak yang

terbabit itu sejak akhir-akhir ini akan diambil kira sebelum satu keputusan yang muktamad dicapai.

"Apa yang penting adalah kami mahu operasi JPN berjalan dengan lancar," katanya.



**HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN**